

Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah
Volume 22 No. 1 (2026)
ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328
Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Peaceful Interreligious Coexistence in the Qur'an: A Thematic Analysis**
- Author (s) : Md. Razali Saibin, Mohd Zohdi Mohd Amin, Mohd Dahlan A Malek, Khairol Ikhwan Mohd Fithri@Khoza
- Affiliation (s) : Universiti Malaysia Sabah, Universiti Sains Islam Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.614>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 15, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Md. Razali Saibin, Mohd Zohdi Mohd Amin, Mohd Dahlan A Malek, & Khairol Ikhwan Mohd Fithri@Khoza. Professionalisme Imam Masjid sebagai Pembimbing Kesejahteraan Psikospiritual Berasaskan Al-Quran: Analisis Perspektif Pakar: Professionalising Mosque Imams as Psychospiritual Well-Being Guidance: An Expert Perspective Analysis. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 337–356. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.614>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Profesionalisme Imam Masjid sebagai Pembimbing Kesejahteraan Psikospiritual: Analisis Perspektif Pakar

Professionalising Mosque Imams as Psychospiritual Well-Being Guidance: An Expert Perspective Analysis

Md. Razali Saibin*

Khairol Ikhwan Mohd Fithri@Khoza

Faculty of Islamic Studies
Universiti Malaysia Sabah

Mohd Zohdi Mohd Amin

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Mohd Dahlan A Malek

Faculty of Psychology and Social Work
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Peningkatan masalah tekanan emosi, cabaran psikososial dan ketidakstabilan spiritual dalam masyarakat Muslim kontemporari telah meningkatkan keperluan terhadap mekanisme sokongan psikospiritual yang berkesan dan menyeluruh. Dalam konteks ini, imam masjid sering menjadi rujukan utama bagi individu yang memerlukan bimbingan kerohanian, kaunseling agama dan sokongan emosi. Namun demikian, peranan tersebut sering dilaksanakan tanpa kerangka profesional yang jelas serta pembangunan kompetensi yang sistematik. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis dimensi utama profesionalisme imam masjid sebagai pembimbing kesejahteraan psikospiritual masyarakat berdasarkan perspektif pakar. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur yang melibatkan pakar dalam bidang pengajian Islam, pembangunan psikospiritual, kaunseling dan pembangunan komuniti. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti pola berulang dan dimensi teras yang menyokong keberkesanan bimbingan psikospiritual dalam konteks institusi masjid. Dapatan kajian mengenal pasti lima dimensi profesionalisme imam yang saling berkaitan, iaitu penguasaan ilmu Islam, integriti dan akhlak peribadi, kompetensi dalam bimbingan psikospiritual dan kaunseling Islam, kemahiran komunikasi dan pengurusan emosi yang berkesan, serta sokongan institusi bagi pembangunan profesional berterusan. Analisis turut menunjukkan bahawa dimensi-dimensi ini berakar daripada prinsip Islam seperti tarbiah rohani, penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) dan pembangunan insan secara holistik yang mencerminkan matlamat bimbingan Islam dalam memupuk kesejahteraan individu dan masyarakat. Kajian ini menyumbang kepada wacana kepimpinan Islam dan kesejahteraan komuniti melalui pengemukaan kerangka konseptual profesionalisme imam dalam bimbingan psikospiritual. Dapatan kajian turut memberikan implikasi penting terhadap pembangunan latihan imam, tadbir urus masjid dan penggubalan

*Correspondence concerning this article should be addressed to Md. Razali Saibin, Universiti Malaysia Sabah at abusofia@ums.edu.my

dasar bagi memperkukuh peranan institusi masjid dalam menangani cabaran psikososial dan spiritual semasa.

Kata Kunci: Kesejahteraan Psikospiritual, Profesionalisme Imam, Masjid

Abstract

The increasing prevalence of emotional distress, psychosocial challenges, and spiritual insecurity in contemporary Muslim societies has heightened the need for effective psychospiritual support mechanisms that integrate religious and emotional well-being. In this context, mosque imams frequently serve as the first point of reference for individuals seeking spiritual guidance, religious counselling, and emotional support. However, despite the growing expectations placed upon them, their psychospiritual guidance role is often undertaken without a clearly articulated professional framework or systematic competency development. Addressing this gap, the present study aims to analyse the essential dimensions of mosque imam professionalism as guides of community psychospiritual well-being from the perspective of experts. Employing a qualitative research design, the study utilised semi-structured interviews with experts in Islamic studies, psychospiritual development, counselling, and community development. The collected data were analysed using thematic analysis to identify recurring patterns and core dimensions that underpin effective psychospiritual guidance within the mosque context. The findings reveal five interrelated dimensions of imam professionalism: mastery of Islamic knowledge, personal integrity and moral character, psychospiritual guidance and Islamic counselling competencies, effective communication and emotional management skills, and integrated institutional support for professional capacity development. The analysis further indicates that these dimensions are deeply rooted in Islamic principles of spiritual nurturing, self-purification (*tazkiyah al-nafs*), and holistic human development, reflecting the broader objectives of Islamic guidance in promoting individual and communal well-being. This study contributes to the discourse on Islamic leadership and community well-being by providing a structured conceptualisation of imam professionalism in psychospiritual guidance. The findings offer important implications for the development of imam training programmes, mosque governance, and policy formulation by religious authorities aimed at strengthening the capacity of mosque institutions to address contemporary psychosocial and spiritual challenges within Muslim communities.

Keywords: Psychospiritual well-being, Imam Professionalisme, Mosque

1.0 Pengenalan

Cabaran kesejahteraan psikospiritual dalam masyarakat Islam kontemporari semakin ketara seiring perubahan sosial, tekanan ekonomi, kerumitan hubungan kekeluargaan dan tuntutan kehidupan moden. Fenomena tekanan emosi, keresahan jiwa dan konflik sosial bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan individu, malah memberi kesan terhadap keharmonian komuniti secara menyeluruh. Dalam situasi ini, selain perkhidmatan kesihatan mental formal, komuniti Muslim masih cenderung menjadikan institusi masjid sebagai ruang sokongan awal untuk mendapatkan bimbingan rohani dan nasihat kehidupan. Kedudukan masjid sebagai

pusat spiritual dan sosial menjadikan peranan imam semakin signifikan dalam menyantuni keperluan psikospiritual masyarakat.¹

Secara tradisi, imam masjid berfungsi sebagai pemimpin ibadah, penyampai khutbah dan pendidik agama. Namun, dalam realiti semasa, peranan ini telah berkembang merangkumi fungsi bimbingan rohani, sokongan emosi dan pengantaraan sosial. Masyarakat sering merujuk imam apabila berhadapan dengan konflik rumah tangga, tekanan emosi, kesedihan mendalam dan persoalan makna hidup. Kepercayaan ini berpunca daripada autoriti moral dan spiritual yang dimiliki imam serta hubungan rapat mereka dengan komuniti setempat. Walau bagaimanapun, peluasan peranan ini sering berlaku tanpa sokongan latihan formal dan kerangka profesional yang jelas, khususnya dalam aspek psikospiritual dan bimbingan Islam.

Al-Quran telah menggambarkan fungsi utama bimbingan rohani melalui misi kenabian seperti mana firman Allah SWT:

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُو عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ

“Sebagaimana Kami telah mengutuskan kepada kamu seorang Rasul daripada kalangan kamu sendiri yang membacakan kepada kamu ayat-ayat Kami, menyucikan kamu, mengajarkan kamu al-Kitab dan al-Hikmah, serta mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.” (al-Baqarah: 151)

Dalam perspektif al-Quran, bimbingan rohani dan penyucian jiwa merupakan teras misi dakwah Islam. Fungsi kenabian yang merangkumi tilawah ayat-ayat Allah, penyucian jiwa (*tazkiyah*) dan pengajaran ilmu (*ta'lim*) menunjukkan bahawa kesejahteraan jiwa merupakan sebahagian daripada objektif wahyu.² Kerangka ini memberi asas konseptual kepada peranan imam sebagai pewaris tugas kenabian dalam membimbing masyarakat ke arah keseimbangan rohani dan emosi. Namun demikian, penghayatan kerangka wahyu ini dalam konteks profesionalisme imam masih memerlukan penterjemahan yang sistematik dan kontekstual agar selari dengan cabaran masyarakat semasa.

Literatur kepimpinan spiritual dan profesionalisme dalam organisasi Islam menunjukkan bahawa keberkesanan pemimpin agama tidak hanya bergantung kepada penguasaan ilmu agama, tetapi turut dipengaruhi oleh akhlak, integriti, kemahiran interpersonal dan sokongan institusi.³ Ketiadaan standard profesional dan latihan berstruktur berpotensi menghadkan keberkesanan imam dalam menangani isu psikospiritual yang kompleks. Situasi ini turut dikenal pasti dalam kajian psikospiritual Islam yang menegaskan keperluan integrasi antara dimensi rohani dan psikologi bagi mencapai kesejahteraan jiwa yang holistik.⁴

¹ Rahman, F. *Major themes of the Qur'an*. (Chicago, IL: University of Chicago Press, 2002)

² *ibid*

³ Rahim, A. A., & Halim, F. A. *Profesionalisme imam dalam pengurusan masjid di Malaysia*. (Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2018).

⁴ Badri, M. *Contemplation: An Islamic psychospiritual study*. (Kuala Lumpur, Malaysia: Islamic Book Trust, 2000). Daradjat, Z. *Ilmu jiwa agama*. (Jakarta, Indonesia: Bulan Bintang 1993).

Dalam konteks Malaysia, beberapa sarjana menegaskan bahawa pendekatan psikospiritual Islam perlu dibangunkan secara sistematik bagi membolehkan pemimpin agama berperanan sebagai pembimbing kesejahteraan jiwa yang berkesan. Che Zarina Sa'ari menekankan kepentingan keseimbangan antara ilmu zahir dan ilmu batin dalam membentuk keupayaan bimbingan rohani yang berhikmah dan empatik⁵.

Selain itu, kajian pembangunan model dalam bidang pendidikan dan latihan profesional menunjukkan bahawa sesuatu peranan profesional memerlukan kerangka konseptual yang jelas, berasaskan keperluan lapangan dan disokong oleh proses pembangunan serta penilaian yang sistematik.⁶ Ketiadaan kerangka sedemikian dalam konteks profesionalisme imam berpotensi menyebabkan peranan bimbingan psikospiritual dilaksanakan secara intuitif dan tidak seragam antara institusi masjid. Hal ini menimbulkan jurang antara harapan masyarakat terhadap peranan imam dan keupayaan sebenar yang dimiliki.

Berdasarkan perbincangan ini, jelas wujud keperluan untuk menilai semula dan memperkukuh profesionalisme imam masjid dalam konteks kesejahteraan psikospiritual masyarakat. Artikel ini bertujuan menganalisis keperluan tersebut melalui pengenalpastian elemen-elemen utama profesionalisme imam yang selari dengan panduan al-Quran dan dapatan pakar. Dengan menumpukan kepada integrasi wahyu, pemikiran sarjana Islam dan realiti keperluan masyarakat semasa, artikel ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembinaan kerangka konseptual profesionalisme imam yang lebih berstruktur dan relevan dalam konteks masyarakat Madani.

2.0 Sorotan Literatur dan Kerangka Konseptual

2.1 Kesejahteraan Psikospiritual Menurut Perspektif Islam

Konsep kesejahteraan psikospiritual dalam Islam berpaksikan kepada panduan wahyu yang menekankan keseimbangan antara dimensi rohani, emosi dan mental manusia. Dalam tradisi keilmuan Islam, konsep kesejahteraan psikospiritual berkait rapat dengan proses tazkiyah al-nafs yang menekankan penyucian jiwa melalui penghayatan wahyu dan pembinaan akhlak. Al-Ghazali menjelaskan bahawa kesejahteraan jiwa dicapai apabila hati berada dalam keadaan seimbang antara dimensi rohani, akal dan emosi manusia (al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*).⁷ Pandangan ini turut disokong oleh Najati yang menegaskan bahawa al-Quran mengandungi prinsip asas pembinaan kesihatan psikologi manusia melalui pendekatan spiritual dan moral.⁸

Al-Quran bukan sekadar berfungsi sebagai sumber hukum dan ibadah, malah berperanan sebagai pedoman penyucian jiwa serta pembinaan ketenangan dalaman. Menurut Rahman tema utama al-Quran tertumpu kepada pembentukan insan

⁵ Che Zarina Sa'ari. *Psikospiritual Islam dan kesejahteraan jiwa*. (Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya Press, 2020).

⁶ Richey, R. C., & Klein, J. D. *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. (Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, 2007)

⁷ Abu Hamid al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983).

⁸ Uthman Najati, *al-Qur'an wa 'Ilm al-Nafs* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 1982).

beriman yang seimbang melalui proses tilawah, tazkiyah dan ta'lim, yang secara langsung menyumbang kepada kesejahteraan jiwa serta kestabilan emosi individu⁹.

Dalam tradisi psikospiritual Islam, kesejahteraan jiwa tidak difahami sebagai ketiadaan masalah semata-mata, sebaliknya sebagai keupayaan individu menghadapi cabaran hidup dengan ketenangan, keyakinan dan makna. Badri menegaskan bahawa kesejahteraan psikospiritual berakar daripada hubungan yang kukuh dengan Allah SWT, yang seterusnya membentuk daya tahan dalaman (inner resilience) dalam menghadapi tekanan emosi dan krisis kehidupan¹⁰. Pandangan ini selari dengan Darajat yang menyatakan bahawa iman dan penghayatan agama berfungsi sebagai faktor pelindung psikologi yang membantu individu mengurus emosi serta tekanan hidup secara lebih sihat dan seimbang¹¹.

Selanjutnya, Che Zarina Sa'ari menekankan bahawa kesejahteraan psikospiritual perlu difahami sebagai suatu keadaan keseimbangan yang dibina melalui penguasaan ilmu agama, penghayatan ibadah dan pembentukan akhlak.¹² Pendekatan ini menuntut integrasi antara ilmu zahir dan batin agar bimbingan rohani tidak bersifat dogmatik atau normatif semata-mata, sebaliknya mampu menyantuni realiti emosi dan sosial masyarakat secara lebih berkesan. Selari dengan pandangan tersebut, Mohd Zohdi Mohd Amin menegaskan bahawa kesejahteraan psikospiritual merupakan hasil daripada disiplin rohani yang konsisten serta kematangan emosi yang terbina melalui pengalaman hidup dan proses refleksi sendiri.¹³

Dalam konteks aplikasi psikospiritual Islam kontemporari, kajian menunjukkan bahawa intervensi rohani seperti majlis zikir berpotensi menyokong kesejahteraan emosi dan mental individu. Mohd Zohdi Mohd Amin, Norhidayah Mohamad Nawawy dan Adi Anto Hasibuan menjelaskan bahawa majlis zikir sebagai terapi psiko-spiritual dapat membantu individu mengurus tekanan jiwa, memperkukuh hubungan sosial dan membina ketenangan rohani, sekali gus memberikan asas kepada pendekatan holistik dalam menangani isu kesihatan mental masyarakat.¹⁴

Dalam konteks psikologi kontemporari, kesejahteraan psikologi turut difahami sebagai satu keadaan dinamik yang melibatkan keupayaan individu mengurus emosi, menyesuaikan diri dengan tekanan serta memperoleh sokongan sosial yang bermakna. Kajian oleh Dhulfaidhi Hakimie Dzulraidi dan Mohd Dahlan A. Malek,¹⁵ misalnya, menunjukkan bahawa pengurusan emosi memainkan peranan penting dalam proses pemulihan psikologi individu yang mengalami kehilangan ahli keluarga semasa pandemik COVID-19. Dapatan ini memperlihatkan hubungan yang signifikan antara pengalaman emosi ekstrem dan keperluan sokongan psikososial dalam

⁹ Rahman, F. *Major themes of the Qur'an*. (Chicago, IL: University of Chicago Press, 2002).

¹⁰ Badri, M. 2000.

¹¹ Darajat. 1993.

¹² Che Zarina Sa'ari. 2020.

¹³ Mohd Zohdi Mohd Amin. 2015.

¹⁴ Mohd Zohdi Mohd Amin, Mohamad Nawawy, N., & Hasibuan, A. A. "Majlis zikir sebagai terapi psiko-spiritual bagi menangani isu kesihatan mental menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah." *Ma'ālim al-*

Qur'an wa al-Sunnah, 21(1), (2025): 222–235.

¹⁵ Dzulraidi, D. H., & Malek, M. D. A. "Pengurusan emosi akibat kehilangan ahli keluarga semasa pandemik COVID-19." *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial* (2022): 6, 17–20.

membina semula kesejahteraan individu, sekaligus mengukuhkan kepentingan pendekatan psikospiritual yang holistik dalam konteks masyarakat Islam semasa.

2.2 Profesionalisme Imam Masjid dalam Literatur Kontemporari

Literatur berkaitan profesionalisme imam masjid menunjukkan bahawa peranan imam telah berkembang melangkaui fungsi ritual kepada peranan sosial dan psikospiritual yang lebih luas. Rahman menegaskan bahawa masjid dan imam memainkan peranan penting dalam menyokong kesejahteraan rohani dan emosi masyarakat, khususnya dalam komuniti Muslim yang masih melihat institusi agama sebagai pusat rujukan kehidupan.¹⁶ Perkembangan ini menuntut penilaian semula terhadap kompetensi dan peranan profesional imam dalam konteks semasa.

Dalam kajian kepimpinan spiritual, Rahim dan Halim menegaskan bahawa keberkesanan pemimpin agama bergantung kepada keseimbangan antara dimensi dalaman seperti akhlak dan integriti, serta dimensi luaran seperti kemahiran komunikasi dan keupayaan membimbing.¹⁷ Tanpa keseimbangan ini, peranan kepimpinan berisiko menjadi simbolik dan kurang berkesan dalam menyantuni keperluan sebenar masyarakat. Pandangan ini disokong oleh Sidin et al. yang menyatakan bahawa sesuatu profesion memerlukan standard kompetensi, etika dan latihan yang jelas agar peranannya dapat dilaksanakan secara konsisten dan berkesan.¹⁸ Aspek kepercayaan masyarakat terhadap imam turut mendapat perhatian dalam literatur psikospiritual. Tahap kepercayaan terhadap pemimpin spiritual sangat dipengaruhi oleh persepsi terhadap integriti, empati dan keupayaan mereka dalam memberikan sokongan emosi dan rohani. Dapatan ini menunjukkan bahawa profesionalisme imam tidak boleh dinilai berdasarkan kelayakan akademik semata-mata, sebaliknya perlu merangkumi aspek personaliti, kemahiran interpersonal dan kebolehan mengurus emosi diri serta orang lain.

Kajian di Barat turut menunjukkan bahawa pemimpin agama Islam sering berfungsi sebagai penyedia sokongan psikososial tidak formal dalam komuniti Muslim. Abu-Ras dan Laird menjelaskan bahawa imam sering menjadi rujukan pertama masyarakat dalam menghadapi tekanan emosi, konflik keluarga dan krisis spiritual¹⁹. Kajian lain turut menunjukkan bahawa institusi masjid memainkan peranan penting dalam menyokong kesejahteraan mental komuniti Muslim melalui pendekatan keagamaan dan sokongan sosial.²⁰

¹⁶ Rahman, 2018.

¹⁷ Rahim, A. A., & Halim, F. A. 2018.

¹⁸ Sidin, R., Abu Bakar, M., & Hassan, A. "Characteristics of a profession: A contemporary analysis." *Journal of Professional Studies*, 34(2), (2021) : 123–145.

¹⁹ Wafa Abu-Ras dan Lori Laird, "How Muslim and Non-Muslim Chaplains Serve Muslim Patients? Does the Interfaith Chaplaincy Model Have Room for Muslims' Experiences?" *Journal of Religion and Health* 50, no. 1 (2011): 46–61.

²⁰ Aasim I. Padela, "Islamic Traditions and Mental Health," *The Lancet Psychiatry* 3, no. 6 (2016): 500–502.

2.3 Jurang Literatur dan Keperluan Kerangka Konseptual

Walaupun literatur sedia ada mengiktiraf peranan penting imam dalam kesejahteraan rohani dan sosial masyarakat, kebanyakan kajian membincangkan peranan tersebut secara deskriptif dan normatif. Masih terdapat kekurangan kajian yang menghuraikan secara sistematik elemen-elemen profesionalisme imam khusus dalam konteks bimbingan kesejahteraan psikospiritual berasaskan al-Quran. Ketiadaan kerangka konseptual yang jelas menyebabkan peranan ini sering dilaksanakan secara intuitif, bergantung kepada pengalaman individu dan tradisi setempat.²¹

Dalam bidang pembangunan model dan latihan profesional, Richey dan Klein menegaskan bahawa sesuatu peranan profesional perlu disokong oleh kerangka konseptual yang dibina berdasarkan keperluan lapangan, literatur dan pandangan pakar.²² Prinsip ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan satu kerangka profesionalisme imam yang mengintegrasikan panduan wahyu, dapatan empirikal dan keperluan semasa masyarakat. Tanpa kerangka sedemikian, usaha memperkasa peranan imam sebagai pembimbing psikospiritual akan kekal terpisah-pisah dan tidak berstruktur.

2.4 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan sorotan literatur, artikel ini mengemukakan satu kerangka konseptual profesionalisme imam masjid sebagai pembimbing kesejahteraan psikospiritual yang berasaskan al-Quran. Kerangka ini mengintegrasikan lima elemen utama, iaitu penguasaan ilmu syaria, pembentukan akhlak dan integriti, kemahiran psikospiritual dan kaunseling Islam, kecekapan komunikasi serta pengurusan emosi, dan sokongan institusi yang bersepadu. Kesemua elemen ini saling berkait dan saling melengkapi dalam membentuk keupayaan imam melaksanakan peranan bimbingan psikospiritual secara berkesan dan beretika.

Kerangka yang dicadangkan ini selari dengan pendekatan psikospiritual Islam yang menekankan penyucian jiwa, pembinaan akhlak dan keseimbangan emosi sebagai asas kesejahteraan insan.²³ Pada masa yang sama, kerangka ini turut mengambil kira tuntutan profesionalisme kontemporari yang menekankan keperluan standard kompetensi, latihan sistematik dan sokongan institusi bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan peranan imam dalam konteks masyarakat semasa.²⁴ Integrasi kedua-dua perspektif ini membolehkan kerangka profesionalisme imam difahami secara lebih holistik dan praktikal.

Selain itu, dapatan kajian berkaitan pembentukan modul psikospiritual untuk mangsa banjir oleh Bullare, Rosnah Ismail dan Malek menunjukkan bahawa strategi spiritual-keagamaan berupaya menyokong proses pemulihan emosi selepas trauma.²⁵ Penemuan ini mengukuhkan hujah bahawa peranan pembimbingan imam perlu

²¹ Rahim, Halim, 2018.

²² Richey, R. C., & Klein, J. D. 2007.

²³ Che Zarina Sa'ari. 2020.

²⁴ Sidin et al.. 2021.

²⁵ Bullare @ Bahari, M. I., Ismail, R., & Malek, M. D. A. "Proses pembentukan modul psikospiritual mangsa banjir (MPS MB): Strategi spiritual-keagamaan." *GESJ: Education Science and Psychology*, 50(4), (2018) : 61-68.

melangkaui dimensi ritual tradisional semata-mata dengan memasukkan dimensi psikospiritual yang lebih komprehensif dalam menangani cabaran kesejahteraan emosi masyarakat.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka secara mendalam keperluan pembangunan profesionalisme imam masjid sebagai pembimbing kesejahteraan psikospiritual masyarakat. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengkaji fenomena sosial dan keagamaan yang bersifat kontekstual, subjektif dan berlapis, khususnya dalam memahami makna, pengalaman serta penilaian pakar terhadap peranan imam dalam realiti semasa masyarakat Islam.²⁶ Melalui pendekatan kualitatif, pengkaji dapat menelusuri rasional dan justifikasi di sebalik keperluan pembentukan kerangka profesionalisme imam secara lebih holistik dan mendalam.

Selaras dengan pandangan Creswell, pendekatan kualitatif amat sesuai digunakan dalam kajian yang melibatkan pengalaman manusia, pembinaan makna dan dimensi spiritual yang kompleks, seperti peranan imam dalam membimbing kesejahteraan jiwa masyarakat.²⁷ Oleh itu, kajian ini memberi penekanan kepada pemahaman interpretatif terhadap fenomena yang dikaji, bukan kepada generalisasi statistik. Bagi memastikan ketepatan dan kerelevanan data, kaedah pensampelan bertujuan digunakan dengan memilih responden yang memiliki kepakaran dan pengalaman langsung dalam bidang agama, psikospiritual dan bimbingan masyarakat.²⁸

Kajian ini turut dilaksanakan dalam kerangka pembangunan konseptual yang menekankan pengenalpastian elemen-elemen teras profesionalisme imam berdasarkan panduan wahyu, sorotan literatur sedia ada dan pandangan pakar. Sejalan dengan prinsip pembangunan model profesional, pembinaan kerangka konseptual tidak dilakukan secara intuitif semata-mata, sebaliknya diasaskan kepada analisis keperluan lapangan serta pengesahan pakar bagi memastikan kerelevanan, kebolegunaan dan kekuatan dapatan kajian Richey & Klein.²⁹

3.2 Pemilihan Peserta Kajian

Peserta kajian terdiri daripada pakar dalam bidang agama, kaunseling Islam dan psikospiritual yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berkaitan bimbingan masyarakat. Pemilihan peserta dilakukan secara pensampelan bertujuan (purposive sampling) bagi memastikan pandangan yang diperoleh adalah relevan dan berautoriti terhadap objektif kajian. Kriteria pemilihan pakar merangkumi latar belakang akademik dalam bidang berkaitan, pengalaman praktikal dalam bimbingan atau kepimpinan agama, serta penglibatan aktif dalam pembangunan masyarakat melalui institusi masjid atau organisasi Islam.

Pendekatan ini selari dengan pandangan Rahim dan Halim yang menegaskan bahawa penilaian profesionalisme kepimpinan spiritual perlu melibatkan individu yang

²⁶ Rahim, Halim. 2018.

²⁷ Creswell, J. W. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). (CA: SAGE Publications 2018).

²⁸ Patton, M. Q. *Qualitative research and evaluation methods* (4th ed.). (CA: SAGE Publications, 2015).

²⁹ Richey, Klein, 2007.

memahami kedua-dua dimensi teori dan praktis.³⁰ Dengan melibatkan pakar daripada latar belakang yang berbeza tetapi saling melengkapi, kajian ini memperoleh perspektif yang lebih menyeluruh terhadap keperluan dan cabaran pembangunan profesionalisme imam sebagai pembimbing kesejahteraan psikospiritual.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ialah temu bual separa berstruktur, yang dibangunkan berdasarkan sorotan literatur psikospiritual Islam dan profesionalisme kepimpinan agama. Panduan temu bual dirangka untuk meneroka pandangan pakar berkaitan peranan semasa imam, keperluan kemahiran dan kompetensi, cabaran pelaksanaan bimbingan psikospiritual, serta keperluan kepada model profesionalisme yang berstruktur.

Penggunaan temu bual separa berstruktur membolehkan pengkaji mengekalkan fokus terhadap persoalan kajian sambil memberi ruang kepada peserta untuk menghuraikan pandangan mereka secara mendalam dan kontekstual. Pendekatan ini selari dengan keperluan kajian psikospiritual yang menuntut kefahaman terhadap pengalaman dalaman, nilai dan pertimbangan etika dalam bimbingan rohani.³¹

3.4 Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan melalui sesi temu bual yang dilaksanakan secara bersemuka atau dalam talian, bergantung kepada kesesuaian dan ketersediaan peserta kajian. Setiap sesi temu bual direkodkan dengan kebenaran peserta dan seterusnya ditranskripsikan secara verbatim bagi memastikan ketepatan data. Proses pengumpulan data dilaksanakan secara beretika dengan mematuhi prinsip kerahsiaan, persetujuan termaklum dan penghormatan terhadap pandangan peserta. Pendekatan beretika ini penting bagi memastikan keabsahan data dan membina kepercayaan antara pengkaji dan peserta, khususnya apabila melibatkan perbincangan isu sensitif berkaitan kesejahteraan emosi dan spiritual masyarakat.

3.5 Kaedah Analisis Data

Analisis tematik dilaksanakan berpandukan enam langkah sistematik yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke, bermula daripada proses pembiasaan dengan data, penjanaan kod awal, pencarian tema, semakan tema, penentuan dan penamaan tema, sehingga kepada proses pelaporan dapatan kajian.³² Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pola makna yang konsisten merentas pandangan pakar serta membentuk gambaran konseptual yang lebih tersusun mengenai elemen teras profesionalisme imam.

